

# Rokok: Kita Mangsa Gaya Hidup Barat

South - Juvenile  
Delinquency  
p. 14-15

Terdapat 1.1 bilion manusia merokok di seluruh dunia. Kira-kira 10,000 orang daripada mereka mati setiap hari akibat penyakit berkait dengan rokok

Oleh AZMAN IBRAHIM

DALAM satu pertemuan di sebuah rumah yang sederhana besar di Bangsar, Prof. Madya Dr. Lekhraj Rampal merupakan orang yang paling bersemangat mengutarakan pendapatnya kepada wartawan MASSA mengenai gejala merokok di kalangan masyarakat terutama golongan remaja. Beliau sendiri bukannya seorang perokok dan langsung tidak menunjukkan keterlibatan dalam dunia yang 'tidak sihat' itu. Sepanjang sesi wawancara, Lekhraj memberi reaksi yang emosional terhadap golongan remaja yang mudah dipengaruhi oleh sindrom yang sukar diubah itu.

Lekhraj sebenarnya bukan calang-calang orang kerana beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Khas Tindakan Merokok dan Kesihatan yang bertindak sebagai teraju utama kepada gerakan antimerokok di Malaysia. Dalam temu bual itu, beliau menyedari keterlibatan remaja dalam dunia merokok. Dalam api amarahnya, Lekhraj sempat menunjukkan wajah kagum terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang sanggup turun padang merasmikan kempen antimerokok dengan slogan 'Tak Nak' di Pusat Konvensyen Putrajaya pada 10 Februari lalu.

Sambil meneguk segelas air bikarbonat sejuk, Lekhraj melahirkan perasaan khuatirnya berkenaan bilangan perokok yang melebihi 1.1 bilion orang di seluruh dunia pada masa ini. Jumlah itu akan meningkat dari tahun ke tahun, manakala empat juta orang daripada angka itu didapati terbunuh akibat tabiat merokok berkenaan. Pada setiap hari pula terdapat lebih daripada 10,000 orang akan terbunuh kerana rokok. Ini menunjukkan be-

tapa mudah manusia menemui ajal hanya melalui jalan yang mereka rentasi sendiri. Di Malaysia sahaja terdapat antara 5,000 hingga 10,000 orang akan mati pada setiap tahun akibat daripada tembakau ini. Sememangnya terdapat bukti bahawa perokok telah memulakan penagihan mereka pada waktu persekolahan lagi iaitu ketika mereka berumur antara tujuh hingga 25 tahun. Realitinya mereka tidak menghisap rokok di dalam waktu

untuk berhenti merokok, malah mereka juga berhasrat untuk berhenti merokok, tetapi mereka tidak boleh melakukannya hanya dengan berbekalkan azam dan semangat.

Ketagihan nikotina kini sudah ketara. "Kadangkala apabila kita telah memberi kesedaran kepada mereka melalui pelbagai cara termasuk kempen dan ceramah, mereka sebenarnya sukar untuk berubah. Mereka tidak mempunyai kapasiti

untuk membuat keputusan, mereka fikir mereka boleh berubah dalam tempoh yang singkat, namun hakikat sebenarnya mereka langsung tidak dapat berubah dengan daya usaha sendiri."

Kos perbelanjaan rokok yang tinggi juga langsung tidak difikirkan oleh remaja berkenaan dari sudut rasionalnya. Daripada sikap tidak kisah ini sekarang telah wujud lebih 3.3 juta perokok di Malaysia. Masyarakat perokok ini pula telah menghabiskan lebih daripada RM5 bilion setahun yang dibelanjakan di dalam negara semata-mata untuk menghisap rokok.

Hal ini merupakan satu perbelanjaan yang sememangnya tidak wajar, tidak perlu dan tidak setimpal dengan taraf kesihatan yang dimiliki mereka.

Ini merupakan satu tabiat yang sememangnya tidak penting untuk diperdebatkan di Malaysia pada masa ini. Remaja sebenarnya tidak faham bahawa merokok sebenarnya boleh menyebabkan impotensi (mati pucuk) pada usia muda, peranakan tidak subur bagi wanita yang menyukarkan pasangan mendapat anak, sperma tidak berkualiti bagi lelaki dan banyak lagi. Gejala-gejala penyakit inilah bakal menyerang para remaja kita pada masa ini dan akan datang.

Kesan-kesan lain yang mudah kelihatan pada individu itu ialah para remaja yang merokok akan mudah mendapat penyakit-penyakit kulit seperti kulit kusam dan berkedut, nafas berbau, gigi ber-



Gaya orang Malaysia merokok.



persekolahan, tetapi mereka berbuat demikian bersama rakan-rakan di luar waktu persekolahan.

Lekhraj yang merupakan Ketua Unit Epidemiologi dan Biostatik Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, bagi diri remaja itu sendiri mereka sebenarnya mudah melihat, mengikut dan mengamalkan tabiat merokok berdasarkan perlakuan yang dilakukan oleh rakan-rakan sendiri. Mereka sebenarnya mengikut apa sahaja perlakuan rakan-rakan yang rapat dengan diri mereka.

Apabila mereka telah menjadi penagih nikotina, ia menjadi satu masalah baru yang sukar untuk ditentang di dalam diri sendiri. Apa yang jelas, mereka sebenarnya memang mempunyai keinginan

karat dan wajah nampak lebih tua daripada umur asal di samping mudah mendapat penyakit kanser dan radang paru-paru.

Fakta sains kesihatan sendiri membuktikan bahawa terdapat 4,000 jenis racun dalam sebatang rokok. Daripada jumlah itu, 50 daripadanya merupakan penyebab utama kepada penyakit kanser seperti kanser hati, kanser paru-paru dan pelbagai jenis kanser yang lain.

Kementerian Kesihatan dan pelbagai klinik kesihatan tempatan turut menawarkan ubat khas kepada perokok tegar yang ingin berhenti merokok. Ubat itu digunakan sekiranya mereka tidak boleh berhenti merokok dengan cara dan daya usaha mereka sendiri.

"Terdapat sejenis pelekat khas yang boleh dilekatkan kepada badan si perokok untuk mendorong mereka agar segera berhenti rokok.

"Di samping menawarkan ubat-ubat khas kepada perokok, kita juga perlu menggunakan iklan untuk memberi nasihat tentang bahaya merokok dan bukannya mengenai keunggulan seseorang individu ketika merokok. Media massa juga mesti memberi publisiti mengenai keburukan dan perkara yang tidak elok mengenai merokok dan amalannya," uas beliau.

Menurut Lekhraj, sesiapa yang jadi perokok mereka sebenarnya perlu dibantu supaya tidak lagi merokok. Kita mahu



realitikan satu generasi yang tidak merokok di dalam masyarakat kita. Kata-kata yang digunakan ialah *towards generations of tobacco free*. Namun, kita perlu memulakannya dari peringkat remaja lagi. Generasi baru. Generasi 2020 yang tidak merokok. Itu visi dan misi kita, kata Lekhraj. Negara sihat, rakyat sihat. Kita mesti beritahu kepada rakyat kesan-kesan rokok yang mengundang pelbagai masalah.

Dekan di Fakulti Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Dr. Ahmad Faiz Abdul Hamid berkata, hampir keseluruhan gadis tempatan yang merokok berbuat demikian kerana suka meniru budaya Barat. Malah, pemaparan tayangan gambar, unsur-unsur hiburan dan gaya kehidupan artis wanita Barat yang merokok sewenang-wenangnya di-

anggap sebagai *cool* dan ia turut dianggap sebagai ikon kedewasaan.

Begitu juga dengan pelbagai lagi budaya yang tidak sopan dan hasil daripada percampuran liar antara lelaki dan perempuan tempatan dewasa ini. Ia sedikit sebanyak telah menyebabkan remaja-remaja perempuan berkenaan meniru gaya teman lelaki mereka yang dianggap *sporting* dan sofistikated. Benarkah kenyataan ini?

Memang benar kebanyakan remaja perempuan tempatan pada masa ini tidak mahu dipandang sebagai tidak setaraf dengan remaja lelaki. Malah, setiap perkara yang dapat dilakukan oleh rakan-rakan lelaki mereka akan dianggap sebagai berprestij, imej yang tinggi, bergaya dan moden. Oleh sebab itu, mereka akan meniru setiap gaya dan perlakuan yang dilakukan oleh rakan-rakan mereka termasuklah amalan merokok.

"Suatu masa dahulu golongan wanita yang merokok hanyalah wanita-wanita yang berusia, manakala golongan anak gadis tidak akan merokok kerana ia akan mencemarkan imej Timur dan status suci seseorang gadis itu sendiri.

"Namun ia berbeza dengan fenomena remaja perempuan pada waktu ini. Mereka perlu dibantu dengan melakukan pelbagai kempen antimerokok di samping menekankan aspek pendidikan dan peranan ibu bapa," jelas Lekhraj kepada MASSA. □

## Remaja Lelaki Melayu Teramai Merokok

BERDASARKAN kajian yang dilakukan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) bersama Kementerian Kesihatan dan universiti-universiti awam yang lain sejak beberapa tahun lalu terutama di kalangan remaja tempatan berusia 15 tahun ke atas, golongan remaja lelaki Melayu merupakan golongan yang paling ramai peratusannya dalam menghisap rokok berbanding dengan kaum-kaum lain. Malah, untuk kategori remaja perempuan pula, remaja Cina menunjukkan peratusan paling tinggi.

Lekhraj turut menjelaskan mengenai kadar peratusan yang tinggi di kalangan remaja lelaki Melayu yang sebenarnya berkemungkinan disebabkan oleh hubungan mereka yang lebih mesra dan rapat dengan rakan-rakan seusia berbanding dengan kaum-kaum yang lain. Malah, dalam pelbagai aspek, mereka lebih gemar untuk berkongsi pendapat bersama rakan-rakan berbanding ibu bapa masing-masing.

Manakala perempuan remaja Cina pula, mereka sebenarnya lebih terdedah kepada budaya dan gaya hidup yang moden dan kebaratan menerusi media massa. Bukan setakat mengenakan pakaian moden dan seksi, malah merokok pun dianggap sebagai budaya moden bagi mereka.

Pendapat peribadi golongan ini ialah merokok di kalangan wanita merupakan perkara kebiasaan, malah mereka turut beranggapan bahawa ia sebenarnya bukan merupakan perkara besar yang perlu dipersoalkan. Apa yang nyata, ia amat berbeza dengan pandangan remaja perempuan Melayu dan India yang menunjukkan peratusan yang amat sedikit, namun ia juga perlu diambil perhatian.

Lekhraj berkata kajian yang dilakukan oleh pasukannya sebenarnya masih dalam peringkat pra-akhir. Kajian ini dijangka mendapat keputusan penuh pada akhir April atau Mei nanti.

Berdasarkan kajian awal yang dilakukan ke atas 18,000 responden di seluruh negara, keputusan awalnya menunjukkan satu statistik yang menjelaskan keterlibatan remaja dalam dunia merokok mengikut klasifikasi kaum. □

### Siapa Kuat Merokok?

Kaum	Lelaki	Wanita
Melayu	51.0 %	1.8 %
Cina	22.0 %	3.0 %
India	22.0 %	0.2 %
<b>Jumlah</b>	<b>95.0 %</b>	<b>5.0 %</b>